
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN
PENDAKWA SYARIE NEGERI SEMBILAN *lwn* SALINA BINTI ANUAR
(NO. KES: 05009-114-0675-2016)

Zulzaidi Mahmud

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Pendakwa Syarie Negeri Sembilan *lwn* Salina binti Anuar (NO. KES: 05009-114-0675-2016) (2025) MRS 93 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/20>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN

PENDAKWA SYARIE NEGERI SEMBILAN

lwn

SALINA BINTI ANUAR

NO. KES: 05009-114-0675-2016

ⁱZulzaidi Mahmod

ⁱMahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Sinopsis

Kes ini adalah perbicaraan penuh kes jenayah Syariah di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban terhadap tertuduh, Salina Binti Anuar, atas pertuduhan percubaan persetubuhan haram di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Walaupun tertuduh mengaku tidak bersalah pada 16.1.2017, Mahkamah mendapati pihak Pendakwa Syarie berjaya membuktikan kes wujud kes dan memerintahkan tertuduh untuk membela diri pada 28.1.2019. Mahkamah memutuskan bahawa tertuduh gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, terutamanya kerana gagal mematahkan elemen ketiadaan hubungan mahram atau suami isteri sewaktu ditangkap. Setelah Mahkamah mensabitkan tertuduh melakukan kesalahan tersebut, Mahkamah mengambil kira rayuan peringanan hukuman oleh Peguam Syarie iaitu berdasarkan usia muda tertuduh ketika kejadian, status beliau sebagai pesalah kali pertama, dan tempoh kes yang berlanjutan selama enam tahun. Mahkamah juga menimbangkan rayuan pemberatan oleh Pendakwa Syarie, yang menekankan kepentingan hukuman sebagai pengajaran kepada masyarakat. Dengan matlamat hukuman sebagai pencegahan, pembalasan, dan pemulihan, serta prinsip mengutamakan *maslahah ammah* (kepentingan umum), Mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 atau penjara satu bulan jika gagal membayar denda, pada 19.9.2022.

Pengenalan

- [1] Kes ini merupakan kes Jenayah Syariah di bawah pertuduhan percubaan persetubuhan haram seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 dan merupakan kes perbicaraan penuh sehingga ke peringkat pembelaan tertuduh.

Latar Belakang Fakta

- [2] Prosiding kes ini didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban, Negeri Sembilan, dengan nombor Kes Jenayah 05009-114-0675-2016. Kod pendaftaran kes ini mematuhi Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) No. 1 tahun 2000, yang menetapkan piawaian pendaftaran kes. Kes ini merupakan kes jenayah Syariah yang dipertuduhkan di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, iaitu pertuduhan percubaan persetubuhan haram. Pertuduhan rasmi telah dibuat pada 16.1.2017.
- [3] Pada prosiding tersebut, pihak tertuduh telah membuat pengakuan tidak bersalah terhadap pertuduhan, dan memohon agar kes dibawa ke peringkat perbicaraan. Berdasarkan pengakuan tersebut, mahkamah telah menetapkan bon jaminan dengan syarat dua orang penjamin untuk memastikan kehadiran pihak tertuduh dalam setiap sesi perbicaraan yang akan datang.

- [4] Pada peringkat pendakwaan, Pihak Pendakwa Syarie telah memanggil saksi-saksi ke Mahkamah bagi mengemukakan keterangan untuk membuktikan pertuduhan yang didakwa. Keterangan-keterangan ini adalah penting untuk mengukuhkan kes pendakwaan.
- [5] Setelah semua keterangan saksi pendakwaan selesai dijalankan, Mahkamah mengarahkan pihak-pihak untuk mengemukakan hujah masing-masing. Hujah-hujah ini merangkumkan inti pati kes dan menguatkan kedudukan setiap pihak sebelum mahkamah membuat keputusan.
- [6] Pada 28.1.2019, Mahkamah telah membuat keputusan penting dengan memerintahkan pihak tertuduh untuk membela diri. Keputusan ini dibuat setelah Mahkamah meneliti kes prima facie yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Pada 25.2.2019, pihak tertuduh telah memberikan keterangannya di peringkat pembelaan. Walau bagaimanapun, pihak tertuduh gagal mengemukakan keterangan saksi-saksi pembelaan walaupun sepina telah dikeluarkan.
- [7] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak tertuduh, mahkamah menilai sama ada keterangan tersebut berjaya mematahkan kewujudan kes yang telah dibuktikan pada peringkat pendakwaan. Setelah meneliti keseluruhan bukti, mahkamah telah membuat keputusan bahawa pihak tertuduh gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.
- [8] Sebelum menjatuhkan hukuman, mahkamah memberikan peluang kepada tertuduh untuk membuat rayuan peringanan hukuman. Rayuan peringanan telah dibuat oleh Peguam Syarie pihak tertuduh, manakala rayuan pemberatan telah dibuat oleh Pihak Pendakwa Syarie. Setelah mendengar keseluruhan rayuan dan meneliti kewajarannya, Mahkamah telah mempertimbangkan keputusan hukuman yang relevan dan bersandarkan kepada prinsip Hukum Syarak, peruntukan undang-undang, serta mekanisme penghakiman yang ditetapkan oleh Hakim Syarie.

Diputuskan

- [9] Setelah Mahkamah meneliti keterangan yang telah diberikan di peringkat pendakwaan dan pembelaan dan setelah mahkamah meneliti segala fakta dan dokumen yang dikemukakan ke Mahkamah dan setelah Mahkamah mensabitkan tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Maka setelah Mahkamah mendengar rayuan peringanan tertuduh dan rayuan pemberatan oleh Pendakwa Syarie, Mahkamah dengan ini memutuskan seperti berikut:
 - 1. Pesalah iaitu Salina Binti Anuar (no. K/p: xxx) dihukum dengan hukuman denda sebanyak RM 2000 atau penjara 1 bulan jika gagal membayar denda.
 - 2. Penjamin dilepas dan dibebaskan.

Rujukan

Undang-Undang

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Kes-Kes

Abdul Razak Othman lwn KPS Negeri Melaka (2007) JH 23(2) 203.

Amran Bin Ahmad lwn Pendakwa Raya (2006) 5 MLJ 486.

Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn Junaizulnizam b. Juhari dan Seorang lagi (2012) 35(2).

Mohd Farizal Bin Mohd Fatimi lwn Ketua Pendakwa Syarie, Kes Rayuan Jenayah No.: 10000-114-0013-2015.

Norazlisham Bin Ramli lwn Ketua Pendakwa Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (2001) JH 15(2)165.

Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Rashid & Satu Lagi (1994) 1 MSLR 18.

Shah Ruzan b. Hamdan lwn KPS Wilayah Persekutuan (2013) 36(2) 119.

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

[10] Berdasarkan permohonan dan affidavit-afidavit yang difailkan, serta keterangan yang dikemukakan semasa prosiding, Mahkamah merumuskan bahawa isu-isu berikut perlu diputuskan:

[11] Mahkamah dalam memutuskan dan membuat keputusan kes ini, mahkamah telah mengklasifikasikan beberapa isu-isu utama yang perlu diputuskan iaitu:

1. Isu Pertama: Sama ada Mahkamah ini berbidangkuasa bagi mendengar, membicara dan memutuskan kes ini.
2. Isu Kedua: Isu-isu berkaitan Proses Penghakiman kes Jenayah Syariah.

Isu Pertama: Sama ada Mahkamah ini berbidang kuasa bagi mendengar, membicara dan memutuskan kes ini

[12] Mahkamah sewaktu keputusan peringkat pendakwaan telah membincangkan isu bidangkuasa Mahkamah dalam memutuskan kes ini. Walau bagaimanapun mahkamah sekali lagi berhasrat untuk menghuraikan isu ini agar pihak pendakwa dan pihak tertuduh mengetahui aturan bidangkuasa mahkamah ini dalam menjalankan prosiding kes jenayah Syariah.

[13] Sebelum mahkamah memberikan keputusan, mahkamah perlu meneliti sama ada mempunyai bidang kuasa mendengar kes ini dan seterusnya menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh di atas pengakuan salahnya. Berdasarkan peruntukan Seksyen 62 (2)(a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan bahawa:-

Seksyen 62(2)(a). Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

(a) dalam bidangkuasa Jenayah, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi RM 3,000.00, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan itu.

[14] Kes ini adalah kesalahan yang dilakukan dalam daerah Seremban, Negeri Sembilan. Oleh kerana penubuhan Mahkamah Rendah Syariah adalah diasaskan kepada had sempadan daerah di mana Mahkamah Rendah Syariah itu diwujudkan, terdapat satu peruntukan yang mengehadkan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah tersebut bersesuaian dengan penubuhannya yang berdasarkan kepada batasan sempadan daerah itu sendiri.

- [15] Seksyen 67 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan:

Seksyen 67. Tempat lazim bagi perbicaraan.

Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya kesalahan itu dilakukan.

- [16] Setelah mahkamah meneliti kesemua seksyen-seksyen yang disebutkan di atas, mahkamah berpuashati bahawa ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menjalankan prosiding kes dalam kes ini.

Isu Kedua: Isu-Isu Berkaitan Proses Penghakiman Kes Jenayah Syariah

Ulasan Mahkamah Terhadap Prosiding Pembelaan Tertuduh Dan Hujahan Pihak-Pihak

- [17] Mahkamah dalam membuat keputusan kes di peringkat pembelaan meneliti keterangan yang dibuat oleh pihak tertuduh dan saksi-saksi tertuduh dalam menggugat kes yang telah dibuktikan diperingkat pendakwaan. Pada peringkat pembelaan, pihak tertuduh telah diberikan keluasan ruang untuk membela diri dalam kes ini.
- [18] Mahkamah pada asasnya berpegang kepada keputusan di peringkat pendakwaan iaitu pihak pendakwa berjaya membuktikan kes sebagaimana pertuduhan yang telah dibacakan terhadap tertuduh. Walaubagaimapun keputusan ini tidak muktamad kerana ruang pembelaan diberikan kepada tertuduh untuk menggugat kes pendakwaan. Pada peringkat pembelaan ini, tertuduh hendaklah menggunakan ruang yang diberikan untuk mengemukakan fakta yang relevan terhadap kes pembelaan dan membuktikan fakta tersebut secara tuntas.
- [19] Tertuduh telah menggunakan ruang tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dengan melantik Peguam Syarie mewakili diri tertuduh. Oleh yang demikian, Peguam Syarie hendaklah membantu Mahkamah bagi melancarkan prosiding perbicaraan dan membantu mahkamah untuk mahkamah membuat penilaian sesuatu kes. Perkara yang penting di dalam membuat keputusan terhadap pembelaan tertuduh adalah menjawab fakta persoalan yang dibangkitkan di peringkat pembelaan. Dalam kes ini saksi tertuduh gagal hadir untuk memberikan keterangan.
- [20] Mahkamah mengingatkan kepada semua yang beramal di Mahkamah Syariah ini terutama pengamal undang-undang agar undang-undang yang telah diwartakan dijadikan panduan termasuk undang-undang keterangan agar perjalanan prosiding kes berjalan dengan lancar dan cermat oleh semua pihak.
- [21] Berdasarkan kepada keputusan yang dibuat di akhir peringkat pendakwaan berkenaan dengan kes ini. Mahkamah pada peringkat pendakwaan telah memutuskan bahawa:
- “Mahkamah memerintahkan tertuduh untuk membela diri” (28.1.2019 Tuan Sabaruddin bin Bidin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seremban).
- [22] Keputusan tersebut dibuat setelah pertimbangan kepada elemen yang perlu dibuktikan oleh Pendakwa Syarie adalah memenuhi kehendak undang-undang dan mahkamah berpuashati terhadap elemen yang dikemukakan. Mahkamah bagi kes ini berpegang kepada keputusan di peringkat pendakwaan sehingga proses pembelaan dibuat sehingga selesai dan pihak tertuduh mampu untuk membela diri sebagaimana keputusan mahkamah.
- [23] Mahkamah telah membuka ruang di peringkat pembelaan untuk tertuduh menggunakan ruang tersebut bagi membela diri daripada disabitkan terhadap kesalahan tersebut. Tertuduh juga yang diwakili oleh Peguam Syarie yang bijaksana pada pandangan mahkamah telah menggunakan ruang di peringkat pembelaan bagi tujuan membela diri.

- [24] Oleh yang demikian, pihak tertuduh perlu menjalankan tanggungjawab tersebut sehingga mahkamah yakin bahawa kes yang dipertuduhkan menimbulkan satu keraguan yang munasabah pada pandangan mahkamah dalam pembelaan tertuduh. Perkara ini juga dinyatakan dalam hujahan pendakwaan pada perenggan 19 berkenaan dengan tanggungjawab pihak tertuduh di peringkat pembelaan ini untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan tersebut.
- [25] Mahkamah dalam membuat ulasan ringkas dalam kes ini menumpukan kepada keterangan di peringkat pembelaan tertuduh dan juga hujahan yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie tertuduh. Mahkamah mengucapkan tahniah kepada pihak Peguam Syarie Tertuduh dan Pendakwa Syarie Kanan yang mengendalikan kes ini dalam membuat hujahan telah melampirkan bersama otoriti bagi membantu mahkamah. Perkara ini membantu mahkamah untuk menilai hujahan serta otoriti yang digunakan oleh kedua-dua pihak.
- [26] Kes di peringkat pembelaan dalam kes ini telah digunakan oleh tertuduh untuk memberikan keterangan kepada mahkamah. Proses pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula telah dilakukan sebaik mungkin oleh Peguam Syarie dan Pendakwa Syarie. Walau bagaimanapun saksi yang disepina oleh mahkamah bagi keterangan di peringkat pembelaan tidak hadir beberapa kali ke mahkamah. Perkara ini akan memberi kesan terhadap prosiding kes sehingga pihak-pihak bersetuju membuat hujahan di peringkat pembelaan.
- [27] Mahkamah merujuk kepada hujahan yang dibuat oleh pihak tertuduh dalam kes ini. Prosiding keterangan di peringkat pembelaan telah dinyatakan di dalam hujahan tersebut daripada perenggan 8 hingga perenggan 16. Mahkamah telah meneliti perkara tersebut untuk membantu mahkamah membuat keputusan. Walau bagaimanapun perenggan 8 hingga perenggan 16 hujahan pihak tertuduh di akhir kes pembelaan lebih bersifat pernyataan semula keterangan tertuduh di dalam dewan mahkamah. Ia membantu mahkamah dalam menilai catatan keterangan di dalam rekod mahkamah. Walaubagaimanapun ia tidak dapat memandu mahkamah dalam memahami kehendak hujahan pembelaan yang sewajarnya.
- [28] Walaupun tertuduh memberikan kerjasama dalam kes ini, tertuduh tetap perlu membuktikan bahawa tertuduh mampu memberikan keterangan di peringkat pembelaan bagi menjawab elemen-elemen kes. Tertuduh dalam kes ini hendaklah memastikan bahawa elemen-elemen yang terkandung di dalam kes ini dapat dibuktikan tidak dilakukan oleh tertuduh selepas pihak pendakwaan dapat membuktikan kewujudan elemen ini di peringkat pendakwaan. Tertuduh hendaklah memastikan bahawa elemen-elemen tersebut yang dibuktikan di peringkat pembelaan dapat membuktikan bahawa pembelaan mampu melampaui keraguan yang dikemukakan di peringkat pendakwaan.
- [29] Kesemua pihak sama ada pendakwaan dan tertuduh perlu mengetahui bahawa prosiding kes jenayah dan kes mal adalah dua perkara yang berbeza. Proses dan tatacara juga berbeza. Walau bagaimanapun proses keterangan adalah sama berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 12 Tahun 2003).
- [30] Hujahan tertuduh di peringkat pembelaan pada perenggan 29 adalah isu berkenaan ketidakcukupan pembuktian berada dalam rumah tersebut. Perkara ini dinyatakan di dalam hujahan tertuduh iaitu “tiada satu soalan pun yang boleh mengaitkan bahawa Hairol berada dalam bilik berkenaan bersama-sama dengan tertuduh atau pun tertuduh tahu bahawa Hairol ada dalam rumah tersebut semasa serbuan”. Mahkamah melihat walaupun soalan itu tidak ditanya oleh pihak pendakwaan sewaktu pemeriksaan semula maka pihak tertuduh perlu membangkitkan isu ini agar mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu atau ketidakwujudan fakta tersebut.
- [31] Mahkamah melihat bukanlah isu ketidakcukupan pembuktian, tetapi sejauh mana tertuduh membela diri sehingga kes yang dibawa di peringkat pendakwaan diragukan. Keberadaan OKT dan tertuduh tidak menumpukan kepada pertuduhan dalam bilik sahaja tetapi dalam rumah.

Oleh yang demikian tertuduh perlulah mengemukakan bukti kepada mahkamah bahawa perbuatan yang didakwa di peringkat pendakwaan adalah tidak mendatangkan syak yang munasabah melakukan maksiat dan bukannya pernyataan semata-mata. Mahkamah dalam menilai keterangan perlu untuk memahami keseluruhan perjalanan kes agar tiada tohmahan terhadap kes yang dihakimi.

- [32] Mahkamah menarik perhatian dalam merujuk kes yang dirujuk oleh tertuduh pada perenggan 30 iaitu kes *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Rashid & Satu Lagi* (1994) 1 MSLR 18 berkenaan hakim yang membicarakan kes itu telah menerima pembelaan responden.
- [33] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan kes tersebut iaitu hakim yang membicarakan kes itu menerima pembelaan pihak responden yang berduaan adalah untuk membincangkan perkara mengenai urusan kewangan bank. Walau bagaimanapun bagi situasi kes ini, pembelaan yang perlu dikemukakan oleh tertuduh ialah apakah yang dilakukan oleh tertuduh dan OKT yang lain sehingga mahkamah mempercayai bahawa mereka melakukan aktiviti yang tidak mendatangkan syak yang munasabah.
- [34] Situasi yang penting dalam kes ini adalah pembuktian yang dibawa di peringkat pembelaan perlu untuk memastikan hakim percaya bahawa segala keterangan yang dibawa di peringkat pendakwaan dapat dipatahkan di peringkat pembelaan. Berdasarkan perenggan 18 dan 32 hujahan tertuduh di peringkat pembelaan menyatakan hanya Hairol dan Hadijah sahaja yang berada di ruang tamu. Dalam hal ini mahkamah merujuk kembali kepada pertuduhan yang dibacakan terhadap tertuduh adalah merujuk kepada sebuah rumah. Ia bukan hanya tertakluk kepada ruang tamu sahaja. Walau bagaimanapun perkara ini diberi perhatian oleh mahkamah untuk melihat keseluruhan kes bagi menilai sejauh mana syak munasabah sewaktu tangkapan tersebut dilakukan. Perkara ini juga dinyatakan di dalam hujahan pendakwaan pada perenggan 12.
- [35] Berdasarkan para 28 hujahan tertuduh di peringkat pembelaan menyatakan bahawa tertuduh telah memberitahu bahawa tertuduh masuk ke dalam bilik berkenaan untuk tidur sekejap sementara menunggu kereta. Keterangan yang dibuat oleh tertuduh sewaktu pembelaan perlu diberi perhatian oleh mahkamah dalam menimbang aspek keterangan lisan tersebut. Walau bagaimanapun tiada bukti atau kenyataan sokongan terhadap perkara tersebut dalam kes ini sama ada melalui saksi atau dokumen berkaitan.
- [36] Mahkamah merujuk perenggan 9 hujahan Pendakwa Syarie di peringkat pembelaan yang membangkitkan isu sebagaimana di atas. Mahkamah tidak boleh membuat kesimpulan berdasarkan hujahan perenggan tersebut sahaja. Walau bagaimanapun mahkamah menimbang keterangan lisan oleh tertuduh dan juga hujahan kedua-dua pihak bagi menilai isu ini.
- [37] Mahkamah merujuk kepada perenggan 11 hujahan tertuduh di peringkat pembelaan. Mahkamah bersetuju bahawa tertuduh bertanggungjawab untuk membuktikan apa fakta yang perlu untuk mahkamah mempercayai fakta tersebut. Perkara ini selaras dengan seksyen 75 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 12 Tahun 2003). Berdasarkan rekod prosiding kes hujahan dibuat setelah saksi-saksi tidak hadir ke mahkamah di peringkat pembelaan tertuduh. Peguam Syarie dan Pendakwa Syarie bersetuju untuk meneruskan prosiding kes ini di peringkat hujahan.
- [38] Mahkamah membenarkan hujahan dibuat kerana ketidakhadiran saksi walaupun telah disepina. Hal ini menunjukkan bahawa mahkamah telah membuka ruang kepada tertuduh untuk mengemukakan saksi di peringkat pembelaan. Walau bagaimanapun perkara ini gagal dikemukakan kepada mahkamah setelah ruang diberikan di peringkat pembelaan.

- [39] Sekiranya mahkamah terus memberikan ruang yang berpanjangan kepada tertuduh dalam usaha mengemukakan saksi ini sehingga mengganggu prosiding kes maka ia boleh mendatangkan kemudaratan yang besar kepada institusi ini. Hal ini boleh digunakan oleh mana-mana pihak tertuduh untuk melengahkan prosiding kes. Oleh yang demikian, maka wajar mahkamah meneruskan prosiding dengan hujahan pihak-pihak setelah keterangan pembelaan diambil.
- [40] Mahkamah telah menilai keterangan dan juga hujahan yang dibuat oleh tertuduh bagi mengemukakan bukti hubungan di antara kesemua yang dituduh sama ada mereka mempunyai hubungan mahram atau suami isteri. Walau bagaimanapun elemen tersebut tidak dapat dipatahkan dengan tuntas oleh pihak tertuduh, dan ia memberi indikasi kepada mahkamah untuk mendapati orang yang ditangkap pada malam tersebut tidak mempunyai hubungan mahram atau suami isteri. Keterangan lisan tertuduh dalam mahkamah di peringkat pembelaan juga menyatakan secara langsung bahawa Hatijah telah bersuami, Khairul adalah kawan tertuduh dan rumah tersebut adalah rumah kakak kepada kawan lelaki tertuduh.
- [41] Hal ini menjelaskan kepada mahkamah bahawa ketiadaan hubungan suami isteri atau perkahwinan menjadi asas kepada elemen yang dibuktikan oleh pendakwaan. Ketidadaan hubungan OKT dan OYDSL dari aspek hubungan mahram atau hubungan suami isteri perlulah dipatahkan oleh pihak pembelaan. Walau bagaimanapun elemen melakukan maksiat perlu dibuktikan oleh pendakwaan dan sekiranya telah dibuktikan, maka pihak tertuduh perlu mematahkan bukti tersebut melalui pembuktian berdasarkan enakmen keterangan yang berkuatkuasa.
- [42] Walaupun pada peringkat pendakwaan kes berjaya dibuktikan, ia tidak bermaksud kes adalah kekal dibuktikan sehingga perbicaraan di peringkat pembelaan. Hal ini adalah kerana peringkat pembelaan adalah ruang untuk tertuduh membela diri dan membuktikan keraguan kes di peringkat pendakwaan sebelum ini.
- [43] Mahkamah bersetuju pada penutup hujahan tertuduh di peringkat pembelaan pada perenggan 35 yang membawakan sandaran Sabda Rasulullah S.A.W:

Terjemahan: Tolaklah (elakkanlah) hudud daripada orang Islam semampu mungkin. Jika ada jalan keluar (syubhah) baginya, maka lepaskanlah dia. Sesungguhnya seorang pemerintah (imam) yang tersalah dalam memberi kemaafan adalah lebih baik daripada tersalah dalam menjatuhkan hukuman.

(Sunan al-Tirmidzi, 1998, Hadis No. 1424)

Walaupun bagaimanapun Mahkamah amat berhati-hati dalam hal ini untuk memastikan bahawa tertuduh tidak dianiaya jika disabitkan. Mahkamah juga berhati-hati bahawa sesuatu undang-undang yang diwartakan hendaklah dihormati bahkan dipatuhi apatah lagi berkait dengan jenayah Syariah yang memberi imej kepada Institusi Kehakiman Syariah di Negeri Sembilan ini.

- [44] Mahkamah membuat keputusan berdasarkan keterangan di peringkat pembelaan tertuduh dan juga hujahan yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie tertuduh. Mahkamah telah membuat penilaian dengan sangat berhati-hati agar tidak menzalimi pihak tertuduh dan melakukan pertimbangan berdasarkan kehendak undang-undang dan Hukum Syarak.

Keputusan Mahkamah Peringkat Pembelaan Tertuduh

- [45] Setelah Mahkamah meneliti keterangan yang diberikan di peringkat pembelaan, meneliti keseluruhan keterangan-keterangan saksi-saksi peringkat pendakwaan, meneliti segala fakta dan dokumen yang dikemukakan ke Mahkamah, menilai hujahan pihak tertuduh di peringkat pembelaan, dan menilai hujahan pihak pendakwaan di peringkat pembelaan maka dengan ini

Mahkamah memutuskan bahawa tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan sebagaimana dipertuduhkan. Mahkamah dengan ini mensabitkan tertuduh Salina Binti Anuar melakukan kesalahan di bawah seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Oleh yang demikian, sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman, mahkamah memberikan ruang kepada tertuduh untuk membuat rayuan peringanan.

Mitigasi Peguam Syarie Tertuduh: Tuan Mohamad Nor Hisham Bin Hussain (Norhisham & Associates)

- [46] Tertuduh kini berusia 27 tahun pada ketika kes ini diputuskan, manakala sewaktu kejadian beliau berusia 21 tahun. Tertuduh telah berkahwin dan mempunyai seorang anak berusia sembilan bulan. Beliau tidak bekerja dan ditanggung sepenuhnya oleh suami yang berkhidmat sebagai operator kilang. Kes ini telah berlanjutan hampir enam tahun. Pada masa kejadian, tertuduh masih menuntut di sebuah kolej swasta. Memandangkan usia tertuduh yang masih muda ketika kesalahan dilakukan serta hakikat bahawa ini merupakan kesalahan pertama beliau, pihak Peguam Syarie memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman denda pada kadar yang paling minimum.

Rayuan Pemberatan Pendakwa Syarie: Tuan Mohd Azizuddin Bin Abdullah Halim (Pendakwa Syarie Kanan Daripada Pihak Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan)

- [47] Pihak pendakwa telah mendengar sabitan terhadap tertuduh dan mengambil maklum bahawa tertuduh telah mengemukakan rayuan mitigasi. Tertuduh merupakan seorang yang telah berkahwin dan mempunyai seorang anak berusia sembilan bulan. Walaupun berusia muda, tertuduh tidak tergolong sebagai pesalah muda. Tertuduh juga menyatakan dirinya seorang pelajar di sebuah kolej swasta, namun tiada dokumen dikemukakan bagi menyokong dakwaan tersebut. Kes ini telah berlarutan sejak tahun 2016 dan hanya kini terbukti bahawa tertuduh telah disabitkan kesalahan. Merujuk firman Allah SWT dalam surah al-Isra', ayat 32, adalah jelas bahawa walaupun tertuduh tidak dipertuduhkan dengan kesalahan zina, perbuatan mendekati zina merupakan suatu dosa. Kaedah fiqh juga menegaskan bahawa apa sahaja yang membawa kepada perkara haram adalah haram. Dalam hal ini, khalwat adalah perbuatan yang dilarang. Sabda Rasulullah SAW turut mengingatkan: *"Tidak boleh untuk seorang lelaki itu berdua-duaan dengan seorang perempuan melainkan bersama-sama dengan perempuan itu mahramnya"* (Riwayat Muslim). Berdasarkan alasan-alasan ini, pihak pendakwa memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman yang setimpal. Hukuman tersebut bukan sahaja dapat memberikan pengajaran dan keinsafan kepada tertuduh agar tidak mengulangi kesalahan yang sama, malah dapat menjadi peringatan kepada masyarakat seluruhnya.

Pertimbangan Mahkamah - Fakta Kes

1. Pada 27.2.2016 jam lebih kurang 11.37 malam, berdasarkan maklumat awam pegawai Penguatkuasa Agama telah membuat pemeriksaan di sebuah rumah di alamat P-G-07P Pr College Valley, Pajam Nilai, Negeri Sembilan.
2. Semasa tiba di lokasi, premis sebuah rumah.
3. Anggota PPA telah memberi salam.
4. Di dalam premis tersebut didapati terdapat Salina Binti Anuar No. K/P: xxx bersama dengan seorang perempuan lain bernama Hadijah Binti Ahmad No. K/P: xxx dan Mohammad Khairul Bin Ab Ahmad No. K/P: xxx.
5. Hasil dari siasatan mendapati mereka tiada hubungan mahram antara satu sama lain dan mereka juga bukanlah pasangan suami isteri.

Kesalahan yang dipertuduhkan

- [47] Bagi kesalahan kes ini iaitu pelanggaran terhadap Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 telah menyatakan dengan jelas tentang hukuman bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen ini seperti kes tertuduh pada hari ini. Seksyen tersebut menyatakan seperti berikut:

Seksyen 61(1). Percubaan persetubuhan haram.

Mana-mana orang yang melakukan perbuatan percubaan persetubuhan haram adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

- [48] Berdasarkan kepada pengertian dan maksud perkataan tersebut di atas, Mahkamah berpendapat bahawa, maksud terminologi kepada ‘Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melakukan Persetubuhan Luar Nikah’ adalah suatu tindakan (*action*) berbentuk perbuatan awal untuk melakukan persetubuhan di luar nikah, tanpa wujudnya perkahwinan yang sah dari segi Hukum Syarak bagi kedua-dua pasangan tersebut.
- [49] Pada pendapat Mahkamah, terdapat dua unsur utama yang perlu dijelaskan dalam kesalahan ini iaitu:
1. Apakah hubungan antara OKT dan pasangannya?
 2. Wujud perbuatan OKT dan pasangannya sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan haram.
- [50] Unsur pertama yang perlu dijelaskan ialah, apakah hubungan antara OKT dan pasangannya? Menjawab kepada unsur ini, dalam fakta pertuduhan, dikatakan bahawa OKT adalah tidak terhalang untuk berkahwin dengan pasangannya mengikut Hukum Syarak. Pendakwa telah membuktikan mengenai fakta ini berkenaan OKT-OKT bukanlah suami isteri.
- [51] Walaupun begitu, dalam pertuduhan kes yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie dan dibacakan pembantu dewan di dalam Mahkamah ini. Telah di ‘*illustrate*’ bagaimana yang dikatakan bahawa OKT adalah tidak terhalang dari berkahwin dengan pasangannya. Mengikut hukum syarak seseorang lelaki diharamkan berkahwin dengan perempuan tertentu sebagaimana yang difirmankan Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat ke 23.
- [52] Unsur kedua dalam pertuduhan ini mengikut pendapat Mahkamah ialah perbuatan kedua-dua OKT dan pasangannya sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Dalam pertuduhan kes pihak pendakwa telah membuktikan bahawa ele-elemen pertuduhan adalah telah dipenuhi termasuk.
- [53] Antara elemen-elemen yang didapati dalam perbuatan yang dilakukan oleh OKT dan pasangannya pasangannya semasa ditangkap, yang boleh dianggap sebagai perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan haram iaitu:
1. Keadaan pakaian OKT dan pasangan semasa tangkapan.
 2. Keadaan persekitaran ketika itu adalah masa.
- [54] Oleh itu, OKT dan pasangannya menjadikan suasana dan keadaan tersebut sebagai matlamat untuk melakukan perbuatan persediaan melakukan maksiat. Justeru itu, Mahkamah berpendapat perkara (a) dan (b) ini menjadi suatu qarinah bahawa OKT dan pasangannya mempunyai motif untuk melakukan kesalahan yang tidak bermoral itu. Perkara ini telah dibuktikan oleh pihak Pendakwa Syarie.

- [55] Berdasarkan kepada dua elemen yang dinyatakan tersebut yang wujud dalam perlakuan dan perbuatan OKT dan pasangannya semasa ditangkap dan Mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa kedua-dua elemen tersebut telah menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan OKT dan pasangannya dalam keadaan sedemikian adalah sebenarnya suatu percubaan untuk melakukan persetubuhan haram. Keadaan perlakuan dan perlakuan OKT dan pasangannya itu telah menjadi satu *qarinah* atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan tersebut dengan sebenarnya.
- [56] Berdasarkan kepada elemen-elemen tersebut di atas juga, Mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa dua unsur kesalahan mengikut prinsip perundangan jenayah sivil '*mens rea*' iaitu niat melakukan kesalahan dan '*actus reus*' iaitu perlakuan atau perbuatan salah adalah wujud dalam perlakuan atau perbuatan OKT dan pasangannya itu.
- [57] Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan peruntukan tersebut adalah jelas, sekiranya seseorang itu telah disabitkan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh dengan salah satu daripada tiga (3) bentuk hukuman yang diperuntukkan iaitu sama ada menjatuhkan hukuman denda tidak lebih RM 3,000.00 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Perihal Hukuman Terhadap Kesalahan Yang Dipertuduhkan

- [58] Berdasarkan peruntukan yang berkaitan tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang boleh dijatuhkan kepada Tertuduh boleh dikenakan secara khusus dan tidak perlu bagi Mahkamah menjatuhkan hukuman mengikut turutan bentuk hukuman yang dinyatakan seperti peruntukan terhadap Seksyen tersebut. Pendapat Mahkamah dalam peruntukan itu jelas dinyatakan bahawa Mahkamah mempunyai budi bicara yang luas dalam menjatuhkan hukuman kerana peruntukan itu menggunakan perkataan "boleh dihukum" yang menunjukkan bahawa ia tidak mengikat Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mengikut turutan hukuman yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut. Apatah lagi, berdasarkan peruntukan terhadap Seksyen tersebut menggunakan perkataan "atau" sebagai perantaraan di setiap hukuman yang diperuntukkan.
- [59] Perkara utama yang perlu mahkamah mengambil kira dalam menentukan sesuatu hukuman adalah sebarang hukuman mahkamah kepada tertuduh boleh menjadi iktibar, *inzar*, pengajaran, peringatan dan balasan bukan sahaja kepada tertuduh malah kepada semua masyarakat Islam supaya tidak melakukan kesalahan yang sama seperti tertuduh. Dalam menentukan apa-apa hukuman terhadap tertuduh dan pesalah bagi kesalahan ini tidak dapat lari daripada hukuman yang dinyatakan di atas. Namun dalam pada masa yang sama mahkamah perlu pastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan adalah setimpal dan bertujuan untuk mencegah pesalah mengulangnya dan orang lain dari melakukannya. Dalam pada itu, mahkamah berpendapat dalam kes hukuman *ta'zir* ini, kuasa mahkamah dalam menentukan hukuman yang telah ditetapkan oleh undang-undang agak luas dan boleh membuat pelbagai pilihan dalam menentukannya.
- [60] Pada pendapat mahkamah dalam hal menentukan sama ada besar atau kecil kesalahan yang dilakukan adalah sesuatu yang subjektif. Namun bagi Mahkamah sama ada besar atau kecil kesalahan ini bergantung kepada kesan yang ditinggalkan akibat daripada kesalahan ini kepada masyarakat awam.
- [61] Selain itu, mana-mana prinsip am jenayah sekalipun ianya bergantung kepada dua keadaan ini iaitu:

Pertama, kesalahan tertuduh itu telah menyebabkan suatu kejadian atau tanggungjawab diletakkan ke atas bahunya kerana tertuduh telah menyebabkan wujudnya satu keadaan yang dilarang undang-undang atau dikenali sebagai *Actus-reus* ataupun dalam bahasa mudah perbuatan tertuduh adalah salah dan berlawanan dengan peraturan dan undang-undang malahan hukum syarak.

Kedua, bahawa tertuduh berada dalam keadaan fikiran yang jelas berhubung dengan sebab kejadian ataupun wujudnya keadaan dan kejadian tersebut ataupun dikenali sebagai *mens-rea* ataupun bahasa lebih mudah adalah dengan niat melakukan kesalahan tersebut.

- [62] Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat *actus-rea* tersebut perlu dibuktikan disamping elemen *mens-rea* atau niat itu secara bersama memandangkan kedua-duanya berkait rapat dalam terjadinya sesuatu perlakuan yang bersalahan dengan peraturan dan undang-undang. Mahkamah dalam hal ini merujuk Penghakiman Y.A Dato' Haji Muhammad Asri bin Abdullah (HMRyS) dalam kes rayuan Abdul Razak Othman lwn KPS Negeri Melaka Jurnal Hukum, Jilid 23, Bahagian 2, pada tahun 2007 (23 JH 23 (2) 203):

“.....Dalam menimbangkan sesuatu hukuman, antara prinsip dan faktor yang utama adalah kepentingan umum atau maslahat ammah dan bergantung kepada beratnya kesalahan yang dilakukan (perayu) iaitu samada (perayu/tertuduh) seorang yang tidak mahu bertaubat atau sebaliknya. Perkara yang kedua, kesalahan kali pertama (perayu) ataupun berulang dan perkara yang ketiga yang perlu dipertimbangkan ialah rayuan (perayu) untuk peringanan hukuman.....sewajarnya (perayu) patutlah diberi peluang atas keinsafannya”.

- [63] Setelah berpuashati bahawa Mahkamah mempunyai bidangkuasa bagi mendengar dan memutuskan kes ini dan setelah yakin bahawa mahkamah mempunyai budi bicara yang luas dalam membuat keputusan dengan matlamat menghukum tertuduh sesuai dengan kesalahan yang telah dilanggar di bawah seksyen yang dipertuduhkan.
- [64] Perkara-perkara ini mendorong mahkamah bersetuju dengan hujah pihak pendakwa yang mahukan pesalah seperti ini diberi hukuman yang mampu memberi pengajaran agar pelaku dapat menghormati Undang-undang negeri ni dan lebih utama lagi agar tertuduh insaf dan bertaubat dari kesalahan yang dilakukannya.
- [65] Mahkamah juga berharap agar hukuman yang dikenakan bukan sahaja menginsafkan tertuduh agar tidak mengulangi lagi kesalahannya. Mahkamah juga berharap pengajaran kepada tertuduh juga dirasakan oleh masyarakat awam. Mahkamah sepatutnya menghukum dengan hukuman yang berat kepada tertuduh. Walaubagaimanapun mahkamah perlu mematuhi had kuasa yang diberikan oleh Undang-undang negara ini dalam melaksanakan sesuatu undang-undang.
- [66] Mengenai hukuman ke atas OKT, mahkamah mengambil kira beberapa faktor yang berkait dengan kesalahan OKT dan rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) OKT serta hujah pegawai Pendakwa Syarie. Dalam soal ini, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj Abd Rahman (mantan Ketua Hakim Syarie Malaysia) telah memberikan beberapa garis panduan bagaimana pertimbangan peringanan hukuman dalam kes-kes jenayah Syariah perlu dilakukan. Perkara itu dinyatakan oleh beliau dalam kertas kerja beliau bertajuk ‘Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian’, JH XIX/II (1426H) 189, ms 199–200.
- [67] Faktor-faktor memberatkan hukuman dan meringankan hukuman yang lazimnya boleh diketahui semasa rayuan meringankan hukuman atau ‘*mitigation*’. Biasanya sebelum hukuman dijatuhkan terutama dalam kes jenayah Syariah, Hakim Syari’e akan memerhatikan faktor yang memberatkan hukuman dan faktor yang meringankan hukuman. Setelah kedua-dua faktor itu diambil kira dan ditimbangkan, barulah hukuman dijatuhkan.

- [68] Secara tersurat, inilah asas pertimbangan Hakim-Hakim Syari'e sebelum hukuman dijatuhkan. Selalunya antara faktor yang boleh meringankan hukuman ialah pengakuan bersalah dan pernyataan taubat, pesalah bawah umur, rekod peribadi yang baik, kesan hukuman terhadap kesihatan pesalah dan kesalahan pertama kali dilakukannya. Manakala faktor-faktor yang boleh memberatkan hukuman pula ialah rekod buruk pesalah, taraf perkahwinannya, taraf pesalah di dalam masyarakat dan kedudukannya yang tinggi, kekerapan kesalahan dilakukan dan penggunaan kekerasan dan keganasan semasa melakukan kesalahan.
- [69] Mahkamah ini mengambil kira pandangan tersebut dan menjadikannya sebagai salah satu panduan asas dalam membuat pertimbangan hukuman ke atas OKT.

Faktor-Faktor Pemberatan dan Peringanan Kes/Hukuman

- [70] Kesalahan yang dipertuduhkan ke atas OKT di dalam Mahkamah adalah mengikut undang-undang atas pertuduhan yang telah dibacakan di dalam Mahkamah yang mulia. Satu kesalahan *ta'zir* yang diperuntukkan oleh undang-undang. Sabitan kesalahan ke atas OKT pula adalah melalui perbicaraan terhadap OKT yang dibuat sebagaimana yang telah diterangkan.
- [71] Beberapa faktor yang boleh diambil kira oleh Mahkamah bagi meringankan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas OKT. Di dalam kes di hadapan Mahkamah ini, walaupun Mahkamah mempertimbangkan faktor ini sebagai faktor peringanan namun ianya tidak dijadikan sandaran utama di dalam penentuan hukuman ini memandangkan faktor-faktor lain juga diambil kira yang pada penilaian Mahkamah lebih perlu diberikan perhatian bagi memastikan hukuman yang setimpal bersesuaian dengan tujuan hukuman iaitu menjaga kepentingan awam sebagaimana pandangan di dalam kes *Mohd Farizal Bin Mohd Fatimi lwn. Ketua Pendakwa Syarie*, Kes Rayuan Jenayah No. 10000-114-0013-2015.
- [72] Faktor peringanan – (Kesalahan kali pertama). Berdasarkan rekod mahkamah sendiri dan tidak ada sebarang kenyataan dibuat oleh pihak pendakwaan, bahawa kesalahan ini merupakan kesalahan yang pertama atau kedua OKT dari sudut OKT didakwa di mahkamah dan disabitkan bersalah dengan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah dalam Negeri Sembilan. Fakta ini boleh membantu mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman ke atas OKT dengan mengambil kira bahawa OKT bukanlah seorang yang seringkali bergelumang dengan kesalahan dan maksiat dan kemungkinan untuk OKT memperbaiki kesilapan yang dilakukan olehnya itu adalah besar.
- [73] Keperluan memberikan pertimbangan kepada pesalah kali pertama ini telah diperuntukkan dalam seksyen 133 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, yang memperuntukkan Mahkamah hendaklah mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu atau kepada apa-apa hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan .
- [74] Namun demikian, faktor tertuduh adalah pesalah kali pertama bukanlah faktor yang patut diberikan keutamaan berbanding faktor lain seperti jenis dan akibat kesalahan serta kepentingan awam sbagaimana yang diulas oleh Hakim Ahmad Maarop dalam kes *Amran Bin Ahmad lwn Pendakwa Raya* (2006) 5 MLJ 486. Prinsip yang sama juga di pakai dalam kes *Abdul Razak Othman lwn Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka* JH 23 (2), di dalam kes ini faktor kesalahan kali pertama dan pengakuan salah diambil kira sebelum hukuman dijatuhkan. Namun begitu Mahkamah Rayuan Syariah tidak menyatakan ia merupakan suatu faktor utama dalam pertimbangan menjatuhkan hukuman.
- [75] Mahkamah berpuashati bahawa ini adalah kesalahan kali pertama Pesalah. Mahkamah akui dan mengesahkan bahawa rekod bersih pesalah boleh mempengaruhi keputusan Mahkamah iaitu menjadi faktor peringanan sesuatu hukuman sebagaimana pandangan Hakim Y.A.A Dato' Hussin Bin Hj. Harun di dalam kes *Norazlisham Bin Ramli lwn Ketua Pendakwa Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan* (2001) JH 15(2)165 yang menyatakan:

“Kesalahan pertama yang dilakukan oleh Perayu juga wajar diambilkira sebagai qarinah sebagai Perayu mahu kembali ke pangkal jalan dan tidak mengulangi kesalahannya buat kali kedua. Oleh itu, isu kesalahan kali pertama Perayu wajar diambilkira oleh Mahkamah ini dalam mendengar rayuan Perayu. Perayu tidak pernah disabitkan atau didakwa di bawah mana-mana kesalahan undang-undang yang berkuatkuasa mengenai agama Islam sebelum ini dan setelah dijatuhi hukuman”.

- [76] Mahkamah sengaja menyebut berkenaan dengan pengakuan salah walaupun kes ini adalah melibatkan pengakuan tidak bersalah. Mahkamah menyentuh isu ini agar memberi kefahaman kepada pembaca berkenaan dengan situasi yang biasa berlaku di mahkamah Syariah. Begitu juga berkaitan isu kesalahan kali pertama di mana Mahkamah akui bahawa pengakuan bersalah Pesalah ini boleh diambil kira sebagai faktor yang boleh meringankan hukuman.
- [77] Faktor peringanan – (Pernyataan Penyesalan). OKT semasa membuat rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) melalui Peguam Syarie di dapati OKT adalah dalam keadaan yang mirip kepada sikap kelu dan mahkamah nampak riak wajah OKT yang menggambarkan bahawa OKT telah merasa sedar dan insaf serta bertaubat atas perbuatan salah yang telah dilakukan olehnya itu.
- [78] Seterusnya, mahkamah berpendapat dari riak muka OKT yang boleh menggambarkan maksud bahawa OKT benar-benar telah insaf dan bertaubat di atas perbuatan yang dilakukan itu. Begitu juga keadaan perwatakan OKT sepanjang prosiding kes berjalan termasuk semasa membuat rayuan peringanan hukuman, saya dapati keadaan OKT ada menampakkan bahawa OKT benar-benar telah menginsafi akan kesalahannya semasa membuat rayuan peringanan hukuman. Oleh itu, saya berpendapat faktor peringanan ini perlu diberi penilaian dan dihalusi dengan sebaiknya untuk pertimbangan yang sewajarnya oleh mahkamah ini bagi tujuan peringanan hukuman ke atas OKT.
- [79] Faktor peringanan kelima - (Pembuktian OKT). Mahkamah dapati OKT sepanjang prosiding kes ini berjalan telah gagal membuktikan apa-apa dokumen sewaktu mitigasi dijalankan akan kenapa denda mesti dikurangkan dan penjara tidak patut dikenakan kepada tertuduh. Mahkamah hanya akan membuat keputusan dan hukuman berdasarkan apa-apa yang dibuktikan kepadanya sahaja bukan melalui andaian ataupun sangkaan semata-mata yang sama sekali tiada asas. Beban pembuktian (*Burden of proof*) bagi tujuan rayuan adalah tugas dari pihak OKT dalam sebuah pengadilan kes ini untuk memberikan bukti yang akan meneguhkan alasan-alasan peringanan hukuman yang mereka buat untuk membantu Mahkamah membuat sesuatu keputusan. Namun peluang ini tidak digunakan dengan sebaiknya oleh OKT malah mensiasikannya.

Keputusan

- [80] Setelah Mahkamah meneliti keterangan yang telah diberikan di peringkat pendakwaan dan pembelaan dan setelah mahkamah meneliti segala fakta dan dokumen yang dikemukakan ke Mahkamah dan setelah Mahkamah mensabitkan tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Maka setelah Mahkamah mendengar rayuan peringanan tertuduh dan rayuan pemberatan oleh Pendakwa Syarie, Mahkamah dengan ini memutuskan seperti berikut:
3. Pesalah iaitu Salina Binti Anuar (no. K/p: xxx) dihukum dengan hukuman denda sebanyak RM 2000 atau penjara 1 bulan jika gagal membayar denda.
 4. Penjamin dilepas dan dibebaskan.

Kesimpulan

- [81] Berdasarkan kepada otoriti-otoriti tersebut, Mahkamah ini menyimpulkan bahawa matlamat hukuman dalam perundangan Islam adalah bagi memberikan pengajaran kepada pesalah dan masyarakat sebagai suatu langkah pencegahan kepada masyarakat untuk tidak melakukan kesalahan yang sama. Dalam menentukan takat hukuman, hakim mempunyai budi bicara untuk memilih hukuman yang bersesuaian dengan keseriusan kesalahan dengan mengambil kira cara pensabitan, kesalahan kali pertama atau kesalahan berulang, hal keadaan pesalah merangkumi umur pesalah, kedudukan pesalah dalam masyarakat, kesan hukuman terhadap pesalah, rekod peribadi dan pernyataan taubat pesalah.
- [82] Mahkamah merujuk kes *Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn Junaizulnizam b. Juhari dan Seorang lagi* (2012) 35(2) dan kes *Shah Ruzan b. Hamdan lwn. KPS Wilayah Persekutuan* [2013] 36(2) 119 yang menggunakan prinsip:
- “Dalam menimbangkan sesuatu hukuman, antara prinsip dan faktor yang utama adalah kepentingan umum atau maslahah ‘ammah dan bergantung kepada beratnya kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh”.*
- [83] Pada pandangan Mahkamah, maslahah peribadi adalah jelas, iaitu berhubung kepentingan yang bersangkutan paut secara peribadi kepada tertuduh seperti kesan kepada kebebasan diri tertuduh, kesihatan, kewangan, pekerjaan, keluarga dan lain-lain. Namun demikian, apakah maslahah ‘ammah yang perlu Mahkamah pertimbangkan dalam kes ini pada hakikatnya hendaklah diutamakan daripada maslahah peribadi tertuduh? Apa yang dimaksudkan dengan maslahah ‘ammah tersebut adalah maslahah ‘ammah yang ingin dijaga oleh peruntukan undang-undang yang digubal dan dikuatkuasakan dalam Negeri Sembilan ini.
- [84] Objektif penghukuman secara umumnya berkisar tentang dua perkara iaitu pertama menghukum pesalah di atas kesalahan yang dilakukannya dan kedua mencegah orang lain dari melakukannya. Oleh yang demikian, perkara yang paling penting dalam perlaksanaan hukuman *ta’zir* ini adalah sebagai bentuk pencegahan, pembalasan, dan pemulihan (*ta’dib*).
- [85] Mahkamah berpendapat bahawa Mahkamah ini diberikan kuasa budi bicara di dalam menentukan setiap hukuman yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan itu sama ada dimulai dengan perkataan *“hendaklah dihukum”* atau *“bolehlah dihukum”*. Sehubungan dengan itu, Mahkamah ini berpendapat bagi memastikan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah memenuhi maqasid penghukuman, hukuman tersebut hendaklah sekurang-kurangnya dapat memberikan pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat agar tidak melakukan kesalahan yang sama di masa-masa akan datang.
- [86] Berdasarkan kepada hujahan mitigasi tertuduh, hujahan pemberatan oleh pihak Pendakwa Syarie, Mahkamah mendapati terdapat hal keadaan tertuduh yang menghendaki peringanan kepada hukuman dan dalam masa yang sama juga terdapat hal keadaan tertuduh menghendaki pemberatan hukuman. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuas hati bahawa dalam kes ini sewajarnya hukuman diberikan tidaklah berat dan juga tidaklah ringan. Dengan kata lain hukuman pertengahan.
- [87] Hukuman pemenjaraan adalah hukuman yang berat. Oleh yang demikian adalah tidak wajar dan tidak sesuai bagi kesalahan tertuduh dan fakta kes tertuduh.
- [88] Mahkamah ingin menjelaskan tujuan hukuman terhadap tertuduh adalah bagi memastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan merupakan hukuman yang dapat menyedarkan, memberi pengajaran dan menginsafkan tertuduh disamping boleh di jadikan pengajaran bahkan juga kepada orang awam lain supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama, bukan soal tinggi atau rendahnya hukuman tersebut tetapi keinsafan yang paling penting.

- [89] Mahkamah bersetuju dengan hujah pendakwa supaya hukuman yang hendak dijatuhkan perlulah hukuman yang setimpal dengan kesalahannya yang telah tertuduh lakukan. Namun pada pendapat mahkamah apakah hukuman yang wajar, setimpal dan boleh dijadikan pengajaran kepada tertuduh ataupun seluruh masyarakat.
- [90] Mahkamah mengharapkan dengan hukuman yang akan mahkamah jatuhkan memberi pengajaran dan peringatan kepada tertuduh dan semua masyarakat supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama.
- [91] Mahkamah dalam memutuskan hukuman hanya mengharapkan redha Allah s.w.t dan hidayah daripada Allah S.W.T. Semoga hukuman ini menjadi asbab diampunkan dosa-dosa tertuduh terhadap maksiat berkaitan dan menghapuskan dosa-dosa kita bersama.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh Zulzaidi Bin Mahmod, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Seremban, Negeri Sembilan.

Tarikh

19 September 2022.

Peguam Syarie

Dalam kes ini, pihak pendakwaan diwakili oleh Pendakwa Syarie Kanan, Tuan Mohd Azizuddin bin Abdullah Halim dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan, manakala tertuduh diwakili oleh peguam syarie, Tuan Mohamad Nor Hisham bin Hussain daripada firma Norhisham & Associates.